

16 APR 1998

UTM-Air

UTM/ESB MENGOPTIMUM PENGHANTARAN AIR MENTAH

JOHOR BAHRU, 16 April (Bernama) -- Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan kerjasama Equiventures Sdn Bhd (ESB), syarikat tempatan yang mendapat konsesi penswastaan projek air kerajaan Johor, telah menghasilkan sebuah perisian komputer bagi mengoptimimum penghantaran air mentah ke dua buah loji air di negeri ini.

Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam UTM, Prof Madya Dr Mohd Azraai Kassim hari ini berkata, projek mengoptimimum penghantaran air mentah dari Sungai Johor dan kawasan tadahan Sungai Layang ke loji rawatan air Sungai Layang dan Sungai Johor telah dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Projek penyelidikan ini ditaja oleh ESB yang juga menggunakan gabungan teknologi kepakaran Perancis, katanya pada persidangan berita di UTM, Skudai dekat sini.

Beliau berkata, memorandum persefahaman antara UTM dan ESB bagi penyelidikan dan rundingan berkaitan sumber air akan ditandatangani di sini Sabtu ini yang akan disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed.

Dr Mohd Azraai berkata perisian itu juga dapat mengoptimimumkan penggunaan elektrik, menilai agihan air mentah di antara kedua-dua loji dan membolehkan pengurusan bekalan air mengikut standard global.

Loji Sungai Layang mampu mengeluarkan 225 juta liter air sehari manakala Loji Sungai Johor 157 juta liter air dengan kedua-dua loji itu membekalkan 80 peratus bekalan air bersih ke kawasan Johor Baharu, Kulai, Pasir Gudang dan Gelang Patah.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif ESB Mohd Noor Abd Salam berkata syarikatnya akan melabur kira-kira RM200 juta dalam memperkenalkan teknologi membran di kedua-dua loji itu yang akan dilaksanakan dalam fasa ketiga.

Beliau, bagaimanapun berkata setakat ini kerajaan negeri masih belum memberikan kata putus mengenai projek tambahan itu.

Sistem teknologi membran dari Perancis yang bakal diperkenalkan itu adalah setaraf dengan teknologi air yang dipraktikkan di benua Eropah dan ia mampu mempertingkatkan tahap kapasiti pengeluaran air di loji itu kepada 112 juta liter sehari bagi menampung keperluan tahun 2010, katanya.

"Teknologi membran mampu menghalang sebarang bakteria serta virus walaupun sumber itu diambil daripada sungai yang tercemar," katanya.

ESB mendapat konsesi penswastaan projek air daripada kerajaan Johor bagi tempoh 20 bermula 1992 untuk mengurus dan mempertingkatkan tahap kapasiti pengeluaran air di loji Sungai Johor dan Sungai Layang.

Setakat ini, syarikat itu sudah melabur lebih RM600 juta bagi membina serta meningkatkan sistem dan kemudahan loji termasuk paip agihan dan tangki simpanan di bawah projek penswastaan itu, katanya.

-- BERNAMA

BH PR